



SIARAN AKHBAR

YANG BERTHORMAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI MEMAKLUMKAN MENGENAI PERLAKSANAAN `DE-ESCALATION PLAN` SEMUA KEMENTERIAN DAN JABATAN KERAJAAN

Bandar Seri Begawan, Sabtu, 23 Mei 2020

Pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang telah berlangsung petang tadi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohammad Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan mengenai pelaksanaan '*De-Escalation Plan*' di semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan.

'*De-escalation Plan*' yang akan dilaksanakan secara berfasa adalah berpandukan kepada nasihat pihak Kementerian Kesihatan, dan mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan semua pihak. Berikutan situasi penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang terkawal, Pelan ini akan memerlukan semua agensi Kerajaan untuk meneliti semula *Business Continuity Plan (BCP)* masing-masing dengan menyesuaikan kepada keadaan dan situasi penularan wabak COVID-19 di Negara ini serta juga mengambil kira keadaan dan situasi di luar negara.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Dato turut menekankan bahawa wabak COVID-19 di sebilangan negara-negara serantau dan antarabangsa masih menghadapi penularan yang belum terkawal (*community spread*). Semua pihak hendaklah masih mengekalkan kewaspadaan dan kesiapsiagaan yang tinggi demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan negara ini.

BCP berkenaan juga hendaklah mengambil kira dan berpandukan kepada garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, seperti Garis Panduan Bagi Kumpulan Yang Berisiko Tinggi Semasa Epidemik COVID-19 dan lain-lain melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan: www.moh.gov.bn.

Yang Berhormat Dato seterusnya memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus menggunakan teknologi terkini dalam pemberian perkhidmatan secara atas talian (*online*) serta meneroka penggunaan teknologi terkini yang bermanfaat kepada semua, selaras dengan perkembangan *Industrial Revolution 4.0*.



Dalam masa yang sama dan sebagai usaha berwaspada, semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan serta pelanggan dan pengunjung ke premis-premis Kerajaan hendaklah menggunakan applikasi *BruHealth* bagi membantu pihak Kementerian Kesihatan bagi maksud pengesanan kontak (*contract tracing*) jika terdapatnya keperluan sedemikian. Perkara ini juga akan diteliti kesesuaiannya dari masa ke semasa.

Walaupun situasi penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah ditahap yang terkawal, Yang Berhormat Dato menekankan bahawa Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2020 mengenai dengan Garis Panduan Pengawalan dan Menangani Pandemik COVID-19 bagi Warga Perkhidmatan Awam, adalah masih berkuatkuasa. Ini termasuklah tegahan keluar negeri (*travel ban*) bagi seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah juga masih berkuatkuasa.

Yang Berhormat Dato juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak warga Kementerian dan Jabatan Kerajaan di atas sumbangan sukarela kepada *COVID-19 Relief Fund* bagi membantu dalam membiayai keperluan-keperluan yang berkaitan dengan menangani penularan wabak COVID-19. Dalam perkara ini, orang awam adalah dialukan-alukan untuk terus memberikan sumbangan secara sukarela.

Akhirnya, dalam sama-sama merayakan sambutan Hari Raya Aidilfitri, Yang Berhormat Dato menyarankan orang ramai untuk mematuhi arahan dan melaksanakan nasihat Kementerian Kesihatan khususnya tidak mengadakan perhimpunan ramai berbentuk majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian dan Jabatan, termasuklah Pejabat Terbuka (*Open Office*) dan sentiasa mengamalkan penjarakan sosial dan fizikal (*social and physical distancing*) di kesemua premis Kerajaan.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

30 Ramadhan 1441 / 23 Mei 2020